

## BAHAGIAN PELESENAN

**SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN KEDAI / PUSAT SEWA ATAU  
JUALAN PITA VIDEO / VCD / BUKU DAN ALAT-ALAT SUKAN / CENDERAMATA  
( SOUVENEIR ) / BUTIK / PAKAIAN DAN SEBAGAINYA**

Bil	Perkara
1.	Semua barang-barang hendaklah diletakkan atau disimpan di atas rak-rak, pellet atau kabinet dan tersusun dengan kemas dan teratur.
2.	Mempamerkan papan tanda “dilarang merokok” (ukuran 40smX50sm) , “utamakan keselamatan”, “menjaga kebersihan” dan “menggunakan alat pelindungan” yang sempurna dan mencukupi.
3.	Tidak membenarkan menyewa atau menjual bahan-bahan / pita yang lucah dan mengandungi unsur-unsur seks atau anasir atau ‘offensive’ dan bahaya.
4.	Dinding dalam di tempat bekerja / stor premis hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna ringan seperti ubin gerlis, “epoxy”, kaca, marmar, keluli dan bahan yang sama jenisnya.
5.	Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna ringan ( cerah ).
6.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
7.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu keluar / masuk dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
8.	Premis hendaklah mempunyai tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki dan besen.
9.	Mengadakan peti rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
10.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air dari Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) / Elektrik dan sistem pembetungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat.
11.	Memberi nama syarikat kutipan sampah premis yang dilesenkan oleh pihak MDKS
12.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba.
13.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
14.	Semua premis termasuk kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan.
15.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang di premis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran pihak MDKS .
16.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran pihak MDKS .
17.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya.